



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN
KONVENSYEN USAHANITA BINAAN 2015
(KUBINA 2015)**

**7 SEPTEMBER 2015
DEWAN TUN HUSSEIN ONN, PUSAT DAGANGAN
DUNIA PUTRA (PWTC)
KUALA LUMPUR**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Rosnah binti Abdul Rashid Shirlin
Timbalan Menteri Kerja Raya
Merangkap Penaung Konvensyen Usahanita Binaan 2015

YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob
Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya

YBhg. Datuk Ir. Adanan bin Mohamed Hussain
Ketua Pengarah Kerja Raya

Ybhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin Bin Abd. Karim
Ketua Eksekutif
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

YBhg. Dato' Ir. Hj. Ismail bin Md. Salleh
Ketua Pengarah
Lembaga Lebuhraya Malaysia

Yang Berusaha Ar. Sutina binti Ghazali,
Pengarah Kanan Cawangan Arkitek, Jabatan Kerja Raya Malaysia, Merangkap
Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Konvensyen Usahanita Binaan (KUBINA)
2015

Dif–dif jemputan

Wakil–wakil media, Tuan–Tuan dan Puan–Puan, para hadirin yang dihormati
sekalian.

(PENDAHULUAN)

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya, kita dapat berhimpun pada hari ini bersempena dengan

perasmian Konvensyen Usahanita Binaan atau KUBINA 2015 yang bertemakan “**Pemeriksaan Wanita Dalam Pembinaan**”.

2. Ucapan penghargaan terlebih dahulu ingin disampaikan kepada pihak penganjur di atas kesudian menjemput saya untuk merasmikan majlis ini serta syabas atas kejayaan menganjurkan Konvensyen Usahanita Binaan (KUBINA) 2015 yang diadakan buat kali ke-2 tahun ini.
3. Konvensyen tahun ini adalah merupakan anjuran bersama pihak Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR) dan Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) dengan usahasama rakan-rakan strategik iaitu Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Pertubuhan Professional JKR Malaysia (ProJKRM) serta Pertubuhan Wanita Industri Binaan Malaysia (WIBM).
4. Kejayaan penganjuran KUBINA 2015 mempamerkan kerjasama baik yang terjalin antara pihak yang terlibat dalam menjayakan program yang penuh bermakna ini.
5. Dengan berlangsungnya penganjuran Konvensyen Usahanita Binaan (KUBINA) buat kali kedua, ianya jelas membuktikan sokongan kuat dan keperihatinan pihak Kerajaan secara amnya serta Kementerian Kerja Raya khususnya dalam usaha untuk meningkatkan tahap keterlibatan wanita dalam pembangunan infrastruktur serta industri pembinaan negara.
6. Pada masa yang sama, konvensyen kali ini juga akan menampilkan barisan wanita hebat yang merupakan tokoh dalam bidang kepakaran masing-masing yang sudi untuk berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman mereka dalam usaha mencapai kejayaan.
7. KUBINA 2015 yang dianjurkan bersempena dengan International Construction Week atau singkatannya ICW 2015 bukan sahaja merupakan satu platform yang memberikan peluang kepada para usahanita dan

profesional berkongsi pengalaman dan mendapatkan pendedahan, malah ianya turut memainkan peranan sebagai pentas perbincangan untuk mencari pendekatan serta langkah penyelesaian bagi isu berkaitan pembabitan wanita dalam industri pembinaan yang secara umumnya didominasi oleh golongan lelaki.

(PENGLIBATAN DAN PEMERKASAAN WANITA DALAM SEKTOR PEMBINAAN)

Hadirin yang saya hormati sekalian,

8. Jika diimbau kembali pelaksanaan tiga (3) Rancangan Malaysia yang lalu, penglibatan wanita dalam pembangunan negara khususnya dalam bidang pembinaan, ianya tidak begitu ketara. Namun, senario tersebut pada masa kini didapati adalah jauh berbeza.
9. Pada hari ini, kita dapat melihat wanita begitu terlibat dalam sektor pembinaan, khususnya dalam bidang profesional seperti jurutera, juruukur bahan, arkitek, pegawai keselamatan dan kesihatan dan sebagainya. Malah, tidak kurang juga terdapat ramai wanita yang telah berkecimpung sebagai kontraktor pembinaan.
10. Berdasarkan rekod Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), terdapat seramai 13,419 orang wanita yang merupakan pemegang saham syarikat kontraktor telah berdaftar dengan pihak CIDB. Jumlah ini dijangka akan terus meningkat seiring pertambahan penglibatan wanita dalam sektor pembinaan.
11. Pada masa sama, kebolehan mengimbangi kerjaya dan keluarga dengan baik serta berkeupayaan membina hubungan baik antara pihak adalah antara kualiti wanita yang tidak dapat dinafikan, yang mana dengan kelebihan ini, mereka mampu memberikan sumbangan serta impak yang

besar dalam sektor pembinaan.

12. Sehubungan itu, para majikan dalam industri pembinaan seharusnya perlu mengambil peluang serta memanfaatkan sepenuhnya kelebihan dan kualiti yang dimiliki oleh golongan wanita untuk menarik lebih ramai penglibatan mereka ke dalam sektor pembinaan.
13. Ini akan dapat dilakukan oleh para majikan dengan mewujudkan pemangkin untuk menarik golongan wanita menyertai sektor pembinaan contohnya melalui penyediaan suasana persekitaran kerja di tapak bina yang lebih kondusif dan selamat untuk wanita bekerja.
14. Selain itu, para majikan juga perlu memberikan golongan wanita peluang yang adil dan saksama dalam aspek kemajuan kerjaya dengan menilai mereka secara merit iaitu melalui penilaian yang sewajarnya terhadap prestasi dan pencapaian mereka dalam organisasi.

(PELAKSANAAN RESOLUSI KUBINA 2014)

Para hadirin yang saya hormati,

15. Hasil penganjuran KUBINA 2014, beberapa resolusi telah dipersetujui semasa konvensyen yang mana dua (2) daripadanya telah berjaya dilaksanakan iaitu :
 - (i) pewujudan kategori Anugerah *Construction Leading Lady* dalam *Malaysian Construction Industry Excellence Awards* (MCIEA) yang telah diperkenalkan mulai tahun lalu untuk mengiktiraf sumbangan wanita dalam industri pembinaan; dan
 - (ii) penubuhan Pertubuhan Wanita Industri Binaan Malaysia atau *Women in Construction Malaysia* (WIBM) yang telah didaftarkan

pada 30 Januari 2015 lalu yang bertujuan untuk menyatukan usahanya binaan dibawah satu organisasi.

16. Penubuhan pertubuhan ini diyakini akan dapat mewujudkan suatu rangkaian antara wanita yang terlibat dalam industri binaan, yang mana akhirnya akan memberi pelbagai manfaat kepada mereka baik dari segi peluang perniagaan atau pekerjaan, mahupun peluang peningkatan kebolehpayaan diri, yang sudah tentunya akan dapat memajukan lagi sektor pembinaan.
17. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru golongan wanita yang terlibat dengan industri pembinaan supaya merebut peluang tersebut dengan menyertai pertubuhan ini untuk bersama membantu menjayakan agenda “**Pemeriksaan Wanita Dalam Pembinaan**”.
18. Pertubuhan Wanita Industri Binaan Malaysia pula disarankan agar dapat mewujudkan *strategic partnership* dengan para penggiat utama industri binaan supaya semua program dan aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan dan memperolehi hasil yang memanfaatkan semua pihak.

(PROGRAM TRANSFORMASI INDUSTRI PEMBINAAN)

Hadirin yang saya hormati sekalian,

19. Bersempena dengan penganjuran International Construction Week (ICW) kali ke-15 ini, pihak CIDB akan melancarkan Program Transformasi Industri Pembinaan atau *Construction Industry Transformation Programme* (CITP) 2016–2020 yang selari dengan usaha Kerajaan untuk mentransformasikan sektor pembinaan dalam tempoh lima (5) tahun akan datang.

20. Fokus utama CITP adalah untuk menjadikan sektor pembinaan sebagai sektor utama yang menyumbang secara positif kepada pertumbuhan ekonomi negara berdasarkan kepada empat teras strategi khusus iaitu :
- (i) meningkatkan nilai tambah dan daya pengeluaran;
 - (ii) memupuk pendekatan dan amalan lestari;
 - (iii) memantapkan kapasiti dan daya saing di dalam negara dan di peringkat antarabangsa; dan
 - (iv) meningkatkan tahap kualiti, keselamatan dan profesionalisme.
21. Maka, saya berharap resolusi yang akan dihasilkan daripada KUBINA 2015 akan sejajar dengan matlamat yang ingin dicapai melalui Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) yang bakal dilancarkan.
22. Bagi tujuan bersama-sama membantu merealisasikan Program Transformasi Industri Pembinaan, golongan wanita yang terlibat dalam industri pembinaan adalah disarankan supaya sentiasa meningkatkan kompetensi dalam bidang pengkhususan masing-masing melalui latihan yang disediakan oleh pihak CIDB atau lain-lain pihak yang terbabit dengan industri pembinaan.
23. Untuk memantapkan keupayaan keusahawanan pula, golongan wanita boleh menyertai program latihan yang telah disediakan khusus untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang perniagaan terutama di sektor pembinaan ke arah membantu melonjakkan kuasa ekonomi wanita.
24. Para usahanita binaan perlu mengetahui bahawa terdapat pelbagai agensi Kerajaan yang menyediakan kemudahan pembiayaan kewangan untuk membantu usahawan wanita dalam mengembangkan perniagaan mereka,

antaranya seperti Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana atau *Small Medium Enterprise Development Bank* (SME Bank), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PNUB), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Tekun Nasional (TEKUN) dan sebagainya lagi.

(PENUTUP)

Para hadirin yang saya hormati,

25. Saya berharap golongan wanita di negara ini akan sentiasa terbuka minda dan merebut peluang untuk meningkatkan daya saing bagi terus berganding tenaga demi menjayakan agenda pembangunan negara.
26. Manfaatkanlah penyertaan puan–puan di KUBINA pada hari ini untuk saling bertukar idea dan pandangan serta saling berkenalan bagi menjalinkan rangkaian dalam industri binaan di kalangan rakan seperjuangan.
27. Semoga KUBINA 2015 ini dapat menjadi suntikan semangat kepada wanita Malaysia agar terus gigih menyumbang tenaga dan usaha kerja demi kejayaan pembangunan negara seperti mana yang kita impikan.
28. Akhir kata, dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan sukacitanya merasmikan Konvensyen Usahanita Binaan (KUBINA) 2015 pada hari ini.

Sekian, wabillaahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.